

06 JAN 2003

Lim-MCA

AH LEK SEDIA BERTANDING JAWATAN PRESIDEN MCA PADA 2005

KUANTAN, 6 Jan (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Lim Ah Lek mengulangi beliau akan mencabar Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk jawatan Presiden MCA jika tidak ada orang lain bertanding bagi jawatan itu dalam pemilihan parti pada 2005.

"Pada 2005, jika beliau (Ling) masih ada dan kalau saya masih ada, dan kalau tidak ada orang nak cabarnya, maka saya akan cabar beliau," katanya kepada pemberita selepas majlis makan malam sambutan ulang tahun ke 45 MCA Cawangan Air Putih, Kuantan di sini, malam semalam.

Lim berkata, beliau tidak mencabar jawatan presiden parti dalam pemilihan yang lepas kerana menghormati pelan damai yang diusahakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditanya sama ada beliau sudah bersedia untuk menjadi Presiden parti, Lim menjawab, keputusan itu hanya boleh dibuat oleh parti dan bukan beliau sendiri.

Sementara itu Lim berkata, beliau sedia bertanding dalam pilihan raya akan datang jika keputusan itu dapat membantu menarik sokongan masyarakat Cina untuk mengundi calon MCA dan dan yang lain dalam Barisan Nasional (BN).

Menurut beliau, pada masa ini beliau menerima sambutan yang mengalakkan daripada masyarakat yang memintanya bertanding semula dalam pilihan raya akan datang.

"Dan kalau saya kembali dalam perjuangan dan boleh dapat sokongan bukan sahaja untuk saya tetapi untuk calon MCA dan BN, saya tidak teragak-agak untuk kembali.

"Sekiranya saya balik bertanding dan masih tidak dapat bantu MCA, tidak ada pertambahan sokongan kepada MCA, kepada BN, jika keadaannya begitu saya tidak akan kaji (untuk bertanding semula)", katanya.

Lim berkata, jika Datuk Seri Adnan Yakob selaku Pengerusi BN Negeri memintanya untuk bertanding, maka beliau akan bertanding dan tidak akan menolaknya.

Bagaimanapun menurut beliau, itu di peringkat negeri dan bagi peringkat Nasional, ianya bergantung kepada keputusan akhir Perdana Menteri selaku Pengerusi BN.

-- BERNAMA

HIS PR